

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

**SEMAKAN TARIF ELEKTRIK DI SEMENANJUNG,  
SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN BAGI TEMPOH  
1 JANUARI HINGGA 30 JUN 2016**

**PUTRAJAYA, 8 Disember 2015 –** Jemaah Menteri telah memutuskan untuk meneruskan pemberian rebat tarif elektrik bagi Semenanjung Malaysia sebanyak 1.52 sen/kWj. Manakala bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Jemaah Menteri bersetuju untuk mengekalkan penurunan purata kadar tarif elektrik sebanyak 1.20 sen/kWj. Keputusan ini akan berkuat kuasa bermula 1 Januari hingga 30 Jun 2016.

Keputusan bagi Semenanjung Malaysia dibuat susulan terdapatnya penjimatan kos bahan api dan penjanaan (*Imbalance Cost Pass-Through – ICPT*) sebanyak RM762.03 juta bagi tempoh Julai hingga Disember 2015. Penjimatan ini diperolehi daripada penurunan harga *Liquefied Natural Gas* (LNG) di pasaran dunia serta peningkatan kecekapan loji-loji janakuasa gas dan arang batu.

Walaupun kenaikan harga arang batu susulan kejatuhan nilai ringgit berbanding matawang asing dan rasionalisasi subsidi bahan api untuk sektor elektrik berikutkan kenaikan harga gas berpaip di Semenanjung Malaysia sebanyak RM1.50/MMBtu (iaitu daripada RM16.70/MMBtu kepada RM18.20/MMBtu) berkuat kuasa mulai 1 Januari hingga 30 Jun 2016, namun Kerajaan masih mampu mengekalkan purata kadar tarif elektrik semasa pada 38.53 sen/kWj.

Bagi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang tidak menggunakan mekanisme ICPT pula, keputusan mengekalkan penurunan purata kadar tarif elektrik dibuat berdasarkan penurunan harga minyak mentah di pasaran dunia. Dalam hal ini, penjimatan dalam pemberian subsidi bahan api *Medium Fuel Oil* (MFO) dan diesel telah membolehkan Kerajaan mengekalkan penurunan purata kadar tarif elektrik sebanyak 1.20 sen/kWj seperti tempoh enam bulan yang terdahulu (Julai hingga Disember 2015). Keseluruhan subsidi bahan api negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dianggarkan berjumlah RM468 juta bagi tahun 2016.

Rebat dan penurunan tarif, masing-masing ini, akan dilepaskan kepada semua kategori pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung dan Sabah *Electricity Sdn. Bhd.* (SESB) di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, kecuali pengguna domestik dengan penggunaan unit elektrik 300 kWj dan kebawah sebulan. Ini adalah kerana kenaikan tarif elektrik tidak melibatkan kategori pengguna ini sejak 1 Januari 2014. Rebat dan penurunan tarif tidak mempunyai implikasi ke atas kedudukan kewangan atau operasi Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Sabah *Electricity Sdn. Bhd.* (SESB) kerana sumber yang membolehkan implementasinya adalah dari penjimatan kos ICPT dan subsidi Kerajaan.

**- TAMAT -**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

**8 DISEMBER 2015**

**Contoh Pengiraan Penjimatatan ICPT Sebanyak -1.52 sen/kWj Dalam Bil Elektrik Pengguna Domestik**

Jenis Penggunaan (kWj/bulan)	Penggunaan sen/kWj	Penggunaan 600kWj/bulan		Penggunaan 800 kWj/bulan		Penggunaan 1000 kWj/bulan		Penggunaan 1500 kWj/bulan		Penggunaan 2000 kWj/bulan	
		0-200	21.8	200	43.60	200	43.60	200	43.60	200	43.60
201- 300	33.4	100	33.40	100	33.40	100	33.40	100	33.40	100	33.40
301-600	51.6	300	154.80	300	154.80	300	154.80	300	154.80	300	154.80
601-900	54.6	-	-	200	109.20	300	163.80	300	163.80	300	163.80
$\geq 901$	57.1	-	-	-	0.00	100	57.10	600	342.60	1100	628.10
<b>Bil Elektrik Sebelum ICPT (RM)</b>		<b>231.80</b>			<b>341.00</b>		<b>452.70</b>		<b>738.20</b>		<b>1,023.70</b>
KOS ICPT	-1.52	600	-9.12	800	-12.16	1000	-15.20	1500	-22.80	2000	-30.40
<b>Bil Elektrik Selepas ICPT (RM)</b>		<b>222.68</b>			<b>328.84</b>		<b>437.50</b>		<b>715.40</b>		<b>993.30</b>

Nota : Pengiraan di atas tidak mengambil kira caj FiT (1.6%) & caj GST (6%).

## **SEMAKAN TARIF ELEKTRIK SEMENANJUNG**

- **Mekanisme Semakan**

Bagi Semenanjung, semakan tarif ini dibuat berdasarkan mekanisme pelepasan kos bahan api dan penjanaan (*Imbalance Cost Pass-Through – ICPT*) yang dikira semula setiap enam bulan. Purata kadar tarif semasa di Semenanjung adalah **38.53 sen/kWj**.

- **Jumlah Penjimatan ICPT**

Rebat 1.52 sen/kWj bagi Semenanjung ini dapat diberikan oleh Kerajaan melalui **penjimatan kos ICPT sebanyak RM762.03 juta** bagi tempoh Julai hingga Disember 2015.

- **Faktor Penjimatan ICPT**

hasil usaha dan komitmen Kerajaan untuk memastikan bekalan elektrik hanya mengambil kira kos-kos yang efisien, ini membolehkan penjimatan kos ICPT diperolehi daripada:

- ✓ **peningkatan kecekapan loji-loji janakuasa gas dan arang batu; dan**
- ✓ **penurunan harga *Liquefied Natural Gas (LNG)* di pasaran dunia.**

- **Justifikasi Semakan ICPT**

Semakan kos ICPT ini telah turut mengambil kira 2 faktor:

- ✓ Pertamanya, **kenaikan harga arang batu kesan daripada kejatuhan nilai ringgit berbanding matawang asing** walaupun harga pasaran dunia menunjukkan pola menurun; dan
- ✓ Keduanya, **kenaikan harga gas berpaip di Semenanjung sebanyak RM1.50/MMBtu**, iaitu daripada RM16.70/MMBtu kepada RM18.20/MMBtu berkuatkuasa mulai 1 Januari hingga 30 Jun 2016. Kenaikan gas berpaip ini adalah selaras dengan usaha rasionalisasi subsidi bahan api untuk sektor elektrik.

- **Pengguna**

Rebat akan diberikan kepada semua kategori pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung, kecuali pengguna domestik dengan penggunaan unit elektrik 300 kWj dan kebawah sebulan. Ini adalah kerana kenaikan tarif elektrik tidak melibatkan kategori pengguna ini sejak 1 Januari 2014.

- **Purata Kadar Tarif Elektrik Sebenar**

Pada masa ini, harga semasa pasaran gas yang dianggarkan adalah sebanyak RM31.317/MMBtu, di mana purata kadar tarif elektrik yang

sepatutnya dibayar oleh pengguna di Semenanjung adalah dianggarkan sebanyak **40.88 sen/kWj** berbanding purata kadar tarif elektrik semasa iaitu 38.53 sen/kWj.

### **SEMAKAN TARIF ELEKTRIK SABAH DAN WP LABUAN**

- **Mekanisme Semakan**

Mekanisme ICPT masih belum dilaksanakan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

- **Jumlah Subsidi Bahan Api**

Kerajaan Persekutuan memberi subsidi bahan api Medium Fuel Oil (MFO) dan diesel serta subsidi sokongan tarif elektrik yang dianggarkan berjumlah **RM468 juta** bagi tahun 2016.

- **Pengguna**

Penurunan tarif akan diberikan kepada semua kategori pengguna *Sabah Electricity Sdn. Bhd.* (SESB) di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, kecuali pengguna domestik dengan penggunaan unit elektrik 300 kWj dan kebawah sebulan. Ini adalah kerana kenaikan tarif elektrik tidak melibatkan kategori pengguna ini sejak 1 Januari 2014.

- **Purata Kadar Tarif Elektrik Sebenar**

Harga gas berpaip di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan masih ditetapkan pada harga subsidi RM6.40/MMBtu berbanding harga semasa pasaran gas yang dianggarkan adalah sebanyak RM31.317/MMBtu. Berdasarkan harga pasaran, purata kadar tarif elektrik sebenar bagi dua kawasan ini dianggarkan pada **55.31 sen/kWj** berbanding kadar yang berkuatkuasa sekarang iaitu 34.52 sen/kWj.

## Pelaksanaan Special Industry Tariff (SIT)

Pengurangan diskaun SIT secara berperingkat sebanyak 2% setiap tahun akan bermula pada **1 Januari 2016** dan akan ditamatkan sepenuhnya menjelang tahun **2020** seperti jadual di bawah:

